

## 'Hutang kad kredit tak kritikal'

**M**ESKIPUN penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran semakin meningkat, hutang melalui penggunaan kad kredit tidak berada pada tahap kritikal, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, sehingga akhir Ogos lalu, jumlah hutang terkumpul kad kredit hanya merangkumi 3.4 peratus daripada jumlah pembiayaan keseluruhan institusi perbankan.

Beliau berkata, tahap pinjaman tak berbayar kad kredit juga terkawal dan menurun kepada 2.4 peratus daripada jumlah hutang kad kredit pada akhir Ogos lalu berbanding 16.1 peratus pada 1998 ketika krisis kewangan serantau.

"Setakat akhir Ogos lalu, sejumlah 11.01 juta kad kredit dikeluarkan bank konvensional, institusi perbankan Islam, institusi kewangan

pembangunan dan institusi bukan bank," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Paduka Abu Bakar Taib (BN-Langkawi).

Abu Bakar meminta penjelasan berhubung bilangan kad kredit yang dikeluarkan bank konvensional dan perbankan Islam.

Najib yang juga Menteri

**“Bank Negara Malaysia sentiasa memantau penggunaan kad kredit bagi memastikan pemegang kad gunakan instrumen pembayaran secara berhemah”**

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

Kewangan berkata, daripada jumlah kad kredit yang dikeluarkan, 9.73 juta adalah kad utama, manakala baki-nya adalah kad sampingan.

Sebanyak 10.11 juta dikeluarkan oleh bank konvensional termasuk 1.23 juta untuk kad sampingan. Pemegang kad institusi perbankan Islam serta institusi kewangan pembangunan dan institusi bukan bank masing-masing merekodkan seramai 450,000 orang.

Perdana Menteri berkata, individu muflis disebabkan hutang kad kredit merangkumi kira-kira 0.04 peratus daripada jumlah keseluruhan pemegang kad kredit utama pada tiga tahun lalu.

"Bank Negara Malaysia sentiasa memantau penggunaan kad kredit dari semasa ke semasa bagi memastikan pemegang kad menggunakan instrumen pembayaran secara berhemah," katanya.